


BAHAGIAN A

[75 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

- 1 a) Gambar 1 menunjukkan kehendak manusia yang berbeza untuk memiliki rumah.




Gambar 1

Jelaskan mengapa perbezaan tersebut wujud?

[4 markah]

- b) Gambar 2 menunjukkan aktiviti dalam pengeluaran minyak petrol.



Gambar 2

Huraikan **tiga** nilai faedah yang terhasil daripada aktiviti tersebut. [9 markah]

- c) Terangkan **tiga** jenis pengkhususan dalam pengeluaran. [6 markah]
- d) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Yusof.

Encik Yusof ialah seorang usahawan bumiputera yang mengeluarkan produk pemprosesan makanan. Perusahaan beliau telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Beliau juga telah memasarkan produknya ke seluruh negara.

Selain dari mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat, terangkan sumbangan lain Encik Yusof . [6 markah]

2. a) Terangkan maksud perniagaan. [5 markah]
- b) Dialog berikut adalah di antara Wong dengan Raju.

Wong : Wah, nampaknya hasil pertanian awak semakin banyak.

Raju : Begitulah nampaknya, hasil keluaran kebun saya memang banyak musim ini tapi mendatangkan masalah juga kepada pengusaha kecil-kecilan seperti saya.

Wong : Saya cadangkan awak dapatkan khidmat pemborong.

Berdasarkan dialog itu, tentukan jenis pemborong yang sesuai untuk membantu Raju menyelesaikan masalahnya dan kemukakan alasan. [5 markah]

- c) Dokumen yang berikut diterima oleh Perniagaan Alat Sukan Yusmira.

INVOIS				
Syarikat Pembekal Alat Sukan Kualiti				
Jalan Seri Pelangi				
59 000 Kuala Lumpur				
Kepada :				
Perniagaan Alat Sukan Yusmira				
70 000 Seremban				
20 Feb 2014				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah(RM)
1	Raket Badminton Yonex	20	150.00	3000.00
3	Raket Badminton Dunlop	20	120.00	2400.00
2	Raket Badminton Li Ning	20	120.00	2400.00
Tolak Diskaun Niaga 10 %				Y
JUMLAH BERSIH				Z
Serahan : Angkutan dibayar				
Percuma ke dalam gerabak				
Syarat : 5 % 7 hari, 2 % 14 hari				
K & K diK				
<i>Rashid</i>				
Pengurus				

Hitungkan :

- i) **Y** [2 markah]
- ii) **Z** [2 markah]
- iii) Jumlah bayaran jika Kedai Alat Sukan Yusmira membuat bayaran pada 26 Feb 2014. [3 markah]
- iv) Terangkan **dua** kesan syarat serahan tersebut kepada Perniagaan Alat Sukan Yusmira. [4 markah]
- d) Jelaskan kaedah jualan prabayar. [4 markah]

3. a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Daud.

Encik Daud seorang pengilang batik yang terkenal di Terengganu. Beliau membeli kain sutera bermutu tinggi dari China. Pasaran batiknya lebih tertumpu untuk pasaran tempatan di samping sedikit untuk dieksport ke luar negara.

- i) Nyatakan prosedur yang perlu dilalui oleh Encik Daud untuk membeli sutera dari negeri China. [6 Markah]
- ii) Jelaskan kelebihan yang akan diperolehi oleh pengguna tempatan hasil daripada urusniaga di atas. [8 Markah]
- b) Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan Syarikat Ikhwan.

Pengurusan Syarikat Ikhwan membuat keputusan untuk menukar perniagaan perkongsian kepada Syarikat Awam Berhad.

- i) Jelaskan **tiga** kelebihan jenis milikan perniagaan daripada keputusan tersebut. [6 Markah]
- ii) Jelaskan panduan am untuk membolehkan orang ramai membuat pelaburan dalam syarikat tersebut. [5 Markah]

- 4 a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu keratan cek yang dikeluarkan oleh Encik Choo Boon Chew melalui akaun semasanya di Berjaya Bank Berhad, cawangan Kuantan .

Tarikh : 1 Feb 2014		
Penerima : Ramusamy		
Tujuan : Membayar hutang		
Baki Terakhir	26000	00
Dimasukkan	400	00
Jumlah	30000	00
Cek ini	760	00
Baki	29240	00
Berjaya Bank Berhad : 010481		

Berdasarkan maklumat di atas, lakarkan sekeping cek. [5 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan seorang pengusaha kedai.

Encik Khairul mempunyai sebuah kilang memproses baja organik secara kecil-kecilan. Encik Khairul berhasrat untuk mengembangkan perniagaannya namun beliau menghadapi masalah kekurangan modal.

- i) Institusi kewangan manakah yang dapat membantu menyelesaikan masalah beliau? [1 markah]
- ii) Jelaskan fungsi dari institusi kewangan 4 (b) (i) di atas. [5 markah]

- c) Jelaskan polisi insurans yang diperlukan bagi setiap situasi berikut :
- i) Puan Salmah bimbang kos pendidikan anaknya yang semakin meningkat. [3 markah]
 - ii) Encik Johan membeli sebuah rumah bernilai RM180 000 melalui pinjaman bank. [3 markah]
 - iii) Encik Kim ingin melindungi dirinya dari tuntutan pekerja-pekerjanya yang berisiko mengalami kemalangan semasa bertugas. [3 markah]
- d) Jelaskan prosedur yang perlu dilakukan untuk menuntut ganti rugi. [5 markah]
5. a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengangkutan.

Bandar Kuantan dilanda banjir besar pada akhir tahun lepas. Semua sistem perhubungan terputus untuk ke pusat bandar. Sedangkan bantuan makanan, ubat- ubatan dan sebagainya diperlukan segera di sana.

- (i) Nyatakan jenis pengangkutan udara yang boleh digunakan dalam situasi diatas. Berikan alasan anda. [5 Markah]
 - (ii) Terangkan **dua** peranan pengangkutan merujuk kepada kes di atas. [6 Markah]
- b. Jelaskan etika amalan perniagaan penjual terhadap pelanggan. [6 Markah]
- c. Kos dan sifat barang merupakan faktor utama dalam pemilihan media pengiklanan.
- Terangkan **empat** faktor pemilihan media pengiklanan selain dari dua faktor diatas.

Bahagian B
[25 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

Syarikat Sedap D'Lekor Berhad yang ditubuhkan pada tahun 2005 adalah pengeluar keropok lekor yang terkenal di Kuantan. Keropok lekor berjenama "BEST" dihasilkan untuk pasaran negara-negara Asia Tenggara. Syarikat ini menghasilkan 250 000 paket keropok lekor sehari untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar negara.

Selepas beroperasi selama lima tahun, Syarikat Sedap D'Lekor Berhad telah berjaya menembusi pasaran di negara China. Baru-baru ini, syarikat telah menghantar dokumen invoice eksport yang diminta oleh pihak pengimport di negara tersebut. Setelah berpuashati dengan maklumat yang diberikan, pihak pengimport kedua-dua buah negara telah membuat tempahan sebanyak 500 000 paket keropok lekor "BEST" sebulan daripada Syarikat Sedap D'Lekor Berhad. Pengurus syarikat memikirkan cara menghantar keropok lekor sama ada dengan kapal terbang kargo atau kapal kargo. Pihak pengurusan perlu memikirkan pengangkutan terbaik bagi menjamin kualiti keropok lekor tersebut.

Pihak syarikat mengalami masalah penyimpanan keropok lekor yang banyak dihasilkan setiap hari. Justeru ruang yang luas diperlukan untuk menyimpan keropok lekor yang telah siap dipek. Selain itu syarikat juga mengalami masalah untuk menambahkan mesin pengisar kerana kekurangan modal. Oleh itu, pengurus syarikat berusaha mengenal pasti agensi kerajaan yang boleh membantu Syarikat Sedap D'Lekor Berhad mengatasi masalah pemasaran keropok lekor berjenama "BEST" dan pembiayaan untuk membeli mesin pengisar.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Tentukan pengangkutan yang akan dipilih oleh Syarikat Sedap D'Lekor untuk mengeksport keluarannya ke negara Filipina dan Vietnam. [7 markah]

- b) Cadangkan tempat bagi mengatasi masalah penyimpanan keropok lekor yang siap dipeket. Kemukakan alasan anda. [7 markah]
- c) Nyatakan maklumat yang terkandung dalam invoice eksport. [3 markah]
- d) Terangkan **dua** agensi kerajaan yang boleh membantu Syarikat Sedap D'Lekor dalam masalah berikut.
- i) pemasaran [4 markah]
- ii) pembiayaan [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT